

20/04/2001

Punca penutupan syarikat multinasional disiasat

BUKIT MERTA JAM, Khamis - Kementerian Sumber Manusia akan menyiasat sama ada keputusan penutupan operasi syarikat multinasional (MNC) di negara ini dipengaruhi faktor kenegaraan pengurusan tertinggi syarikat terbabit, yang dikuasai warga asing.

Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata adalah tidak adil sekiranya keputusan untuk menutup operasi sesebuah MNC di negara ini dibuat berdasarkan faktor berkenaan.

Sambil menyatakan beliau tidak mengetahui perkara itu, Fong berharap keputusan sesebuah MNC untuk menutup operasi di negara ini tidak dipengaruhi status kenegaraan pengurusannya.

"Saya yakin keputusan MNC untuk beroperasi atau tidak di negara ini, dibuat berdasarkan faktor keuntungan dan daya maju syarikat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Literasi Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi (ICT) di Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), di Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, dekat sini hari ini.

Beliau mengulas satu laporan internet yang mendakwa keputusan penutupan operasi sebuah syarikat MNC di Pulau Pinang baru-baru ini dipengaruhi faktor kenegaraan pengurusan tertinggi syarikat itu, yang bertujuan menjaga kepentingan negaranya.

Fong berkata, ini kali pertama perkara seumpama itu dibawa ke pengetahuannya dan berjanji akan menjalankan siasatan untuk memastikan kesahihan dakwaan berkenaan.

"Memang menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melindungi pekerja negara ini dan memastikan sektor pembuatan sentiasa bersifat kompetitif," katanya sambil menambah kejayaan matlamat itu bergantung kepada produktiviti pekerja.

Sementara itu, beliau berkata, kementeriannya akan terus meningkatkan latihan dan pengambilan pelatih dalam bidang ICT untuk memastikan pekerja negara ini diiktiraf sebagai tenaga kerja berpengetahuan.

Katanya, sejak program perhimpunan literasi dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Februari lalu, seramai 7,500 orang sudah mendapat manfaat daripadanya.

Setakat ini, program perhimpunan literasi ICT sudah diadakan di semua negeri dan yang terakhir akan diadakan di Sabah, 28 April ini.

"Dengan meluaskan program pengambilan pelatih di institut latihan ICT, kementerian berharap dapat meningkatkan tahap produktiviti negara supaya lebih kompetitif," katanya.

Terdahulu, berucap merasmikan perhimpunan itu, Fong berkata, kementeriannya giat memainkan fungsi untuk menyokong usaha menjadikan Malaysia sebuah negara K-Ekonomi.

Menurutnya, pelbagai langkah dilaksanakan itu adalah berdasarkan hakikat bahawa penjana, penyebaran dan penggunaan ilmu bergantung besar kepada faktor manusia.

"Pendekatan yang dilaksanakan adalah untuk menggalakkan rakyat terus menimba ilmu dan kemahiran, walaupun sudah meninggalkan bangku sekolah," katanya.

(END)